

Sistem Kedai Online (www.sistemkedaionline.com)
Miliki Kedai Online Anda Sendiri Dengan Mudah DAN Murah!

Dokumen Yang Hilang

15 F.A.Q Mengenai Sistem Kedai Online

Sistem Kedai Online (www.sistemkedaionline.com)
Miliki Kedai Online Anda Sendiri Dengan Mudah DAN Murah!

Salam Hormat Pembaca Budiman,

Biar saya berterus terang sahaja dengan anda. Tempoh pelancaran pakej Sistem Kedai Online semakin hampir, iaitu pada 16 April ini. Dan saya mula mempersoalkan sama ada saya wajar mengeluarkan dokumen ini ataupun memasukkan sahaja dokumen ini dalam pakej SKO nanti. Tambahan pula saya telah mengeluarkan dua video percuma yang cukup berkualiti dan informatif berkenaan Kedai Online dan jumlah masanya cukup lama, 1 jam 50 minit, sama panjang dengan masa tayangan sebuah filem. ☺

Tidak cukup dengan itu, saya juga sebenarnya turut memberi percuma slide-slide yang digunakan dalam video tersebut untuk dimuat turun (terhad kepada mereka yang benar-benar menonton dan menghayati video tersebut sahaja). Namun, saya berfikir juga, dalam dokumen ini saya ingin menyentuh mengenai beberapa perkara asas yang pembeli-pembeli SKO tidak akan berminat untuk membacanya. (mentali mahu lompat terus kepada "meaty stuff")

Jadi saya keluarkan juga dokumen ini, walaupun sedikit lewat dengan harapan ia cukup untuk mempersiapkan anda dengan apa yang sepatutnya anda tahu.

Yang Berkongsi,

Sabri HA
SaifulSham Consultants

Soalan-soalan ini adalah sebahagian dari ratusan soalan yang kami terima melalui emel dari anda. Bagi mereka yang menghantar emel kepada kami, mungkin anda menyedari, emel pertama kami jawab dan ada emel kedua kami tidak jawab (bahkan ada yang emel mereka langsung kami tidak jawab).

Maafkan kami, kerana sambutan yang terlalu hebat, kami terpaksa menghadkan hanya satu emel sahaja dari setiap alamat emel yang akan dijawab. Itupun ada yang masih belum menerima jawapannya. Apapun saya akan cuba menjawab beberapa soalan-soalan yang popular dari anda di sini.

Soalan 1: Adakah syarikat yang menawarkan pakej kedai online lengkap supaya saya dapat terus menjual dan buat duit dengannya?

Jawapan: Ada, tetapi syarikat yang berkaliber akan mengenakan caj yang mahal (ribuan ringgit). Kurang dari itu, anda perlu suspicious dengan kredibiliti mereka. Something wrong somewhere. Membina kedai online sendiri bukan mudah, tambahan pula jika anda memasukkan perkataan "LENGKAP". Tidak ada syarikat yang boleh hidup dengan menyuruh pekerja mereka membina kedai online lengkap untuk anda tetapi mengenakan caj yang murah. Nak bayar gaji pekerja pun tak lepas. Jadi berhati-hati. Kita nak sesuatu yang terbaik dan termurah yang boleh, tetapi jangan sampai tertipu. Nanti duit hilang, masa habis.

Soalan 2: Adakah senang untuk membina kedai online sendiri ini?

Jawapan: Sangat susah. Dengan panduan pakej SKO yang akan kami keluarkan 16 April ini, dari sangat susah ia akan jadi sederhana susah. Nonetheless, masih susah. Jadi fikir masak-masak sebelum membeli ya. Ia bukan untuk semua orang.

Soalan 3: Anda seorang pelajar tahun akhir IT, adakah panduan ini komplikated dan amat susah untuk difahami? (sebab itu anda kata susah)

Jawapan: Panduan dalam pakej SKO nanti adalah amat mudah difahami kerana ia mengandungi screenshot-screenshot, langkah demi langkah. Jika anda pandai membaca anda boleh buat.

Contoh kandungan ebook tersebut. Jika anda lihat, ayatnya minima, gambar yang banyak. Semua orang boleh ikut.



Tambahan pula, ebook ini juga sebenarnya adalah *guide* asal yang saya gunakan untuk melatih staff dan partner saya berkenaan Zen Cart. Mereka tiada kemahiran dalam bidang IT (dan juga tidak suka membaca). Jadi saya telah pastikan lebih awal bahawa panduan ini boleh difahami mereka. Tujuan saya mengatakan ianya susah adalah untuk mengelakkan orang yang tidak independent dan tidak ada inisiatif tetapi mahu disuap 100% sahaja dari membeli pakej ini. Mindset anda perlu betul. Tidak ada benda di dunia ini yang senang. Jika ada, sudah semua orang kaya dan berjaya.

Soalan 4: Adakah cara menghubungkan kedai online dengan payment process (untuk menerima bayaran) akan ditunjukkan dalam pakej SKO nanti.

Jawapan Ya, sudah tentu. 😊

Soalan 5: Adakah cara membuat order form, borang contact us, cara untuk kira harga multiple product akan ditunjukkan dalam ebook SKO ini?

Jawapan: Eh, mestilah!

Soalan 6: Adakah cara untuk withdraw wang dari Paypal hasil jualan kedai online nanti akan ditunjukkan juga di dalam ebook ini? Akan ada masalah dengan Bank Negarakah?

Jawapan: Perkara ini sebenarnya asas dan mudah sahaja. Bahkan jika tidak ada orang bertanya saya ingat semua orang tahu. Walaubagaimanapun jangan bimbang, saya akan masukkan juga sebab dah ada orang bertanya.

Soalan 7: Apakah kandungan pakej SKO nanti?

Jawapan: Saya masih belum decide. Tapi paling kurang satu ebook dan dua video mengenai pembinaan kedai online dan bagaimana to get it running. (Termasuk perihal shipping dan product sourcing)

Soalan 8: Apakah maksud harga mampu milik yang Sabri katakan dalam video SKO 2.0 tempoh hari?

Jawapan: Begini. Harga sebuah kedai online jika disuruh syarikat professional untuk membuatnya boleh mencecah ribuan ringgit. Jika disuruh freelancer paling kurang RM 800. Itu tidak termasuk kos untuk training anda menguruskan kedai online tersebut. Silap-silap training tidak ada dan kedai online anda hanyut begitu sahaja kerana anda tidak tahu untuk menguruskannya.

Tetapi harga pakej SKO yang mengajar anda membina dan menguruskan kedai online sendiri ini tidak mencecah separuh pun kos tersebut. Suku pun tidak. Satu persepuluh pun tidak. RM 100 pun tidak. RM 70 pun tidak.

Saya tidak akan reveal harganya lagi, tetapi pastinya, ia mampu milik. Nak dan tidak sahaja. ☺

Oh ya, harga paling murah ini hanya boleh didapati untuk 2 minggu pertama sahaja! Selepas itu, harga naik. Jadi jangan bertangguh. ☺

Soalan 9: Adakah ada kos-kos lain yang perlu dikeluarkan selepas membeli ebook ini?

Jawapan: Tidak semestinya, ia terpulang kepada anda. Jika anda tidak mahu, tidak perlu. Jika anda mahu boleh saja. Tetapi kos-kos lain ini bukan datang dari kami. Ia merupakan alatan-alatan untuk kedai anda.

Saya bagi analogi yang telah saya berikan dalam video 1. Kami adalah arkitek. Pakej SKO ini adalah pelan untuk kedai anda. Arkitek tidak akan memberi anda tanah untuk membina kedai tersebut dan juga tidak akan membina kedai tersebut untuk anda. Anda perlu bina sendiri kedai tersebut ataupun upah kontraktor.

Begitu juga online. Cuma yang lebih baik, anda boleh gunakan pelan dalam Pakej SKO ini untuk membina sendiri kedai anda. Namun anda masih perlu mencari tapak untuk kedai tersebut.

Kos mencari tapak dan mendaftarkan kedai anda, anda boleh jangka tidak lebih dari RM 200 (bahkan dengan RM 200 sudah lebih cukup untuk anda boleh mendaftar dengan supplier-supplier bagi membekal produk untuk anda pun).

Untuk meletakkan ia di dalam perspektif, jika anda bercadang untuk membeli ebook ini SAHAJA dan menjalankan perniagaan internet sehingga berpendapatan 4-5 angka sebulan dan tidak membeli apa-apa lagi panduan atau membayar apa-apa lagi selepas itu, saya ada satu cadangan perniagaan lumayan untuk anda. Sertai “Skim Cepat Kaya”


Perniagaan internet ataupun perniagaan tidak begitu. Internet adalah medium yang cepat berubah dan kita kena up to date jika tidak mahu ketinggalan. Saya masih menghabiskan ratusan RM sebulan untuk buku, ebook dan nasihat berbayar. Namun anda tidak perlulah sampai macam tu. Cuma saya nak letakkan “harga” dalam perspektif sahaja.

Soalan 10: Adakah ebook ini berkualiti? Saya takut ebook ini tidak berkualiti.

Jawapan: Di samping ebook, kami pernah menulis buku bestseller sebenar (Rahsia Buat Duit Dengan Internet) yang dikatakan bacaan wajib untuk usahawan internet yang baru bermula di Malaysia.

Bahkan, ini adalah ebook berbayar pertama kami yang berada di pasaran.

Setelah 2 tahun di pasaran, ia masih menjadi buku ngetop di MPH Alamanda Putrajaya (oh ya, bukan setakat anda boleh cari di MPH, di Popular, di kedai-kedai buku besar berhampiran anda pun boleh)



Sumber: Blog CEO & Chairman PTS Publication Sdn Bhd (penerbit kami).

Berbalik kepada soal kualiti, anda boleh ke kedai buku berhampiran anda (atau perpustakaan jika buku ini ada), dan dapatkan buku “Rahsia Buat Duit Dengan internet” tersebut (ada VCD), Cuma RM 30 sahaja. Jika anda rasakan buku tersebut berkualiti, ebook ini juga kami jamin akan berkualiti.

Jika anda rasakan buku tersebut tidak berkualiti, jangan beli apa-apa lagi dari kami. Kami memang tidak akan dapat memenuhi expectation anda. Adil?

(psst... untuk pengetahuan anda, kami TIDAK pernah menerima rungutan berkenaan buku tersebut, jika anda ada, anda akan jadi orang pertama)

Jika anda mahu cara percuma untuk predict kualiti ebook ini, lawati SaifulSham.com (blog kami yang sudah bertahun-tahun kami menulis). Baca setiap post kami sejak 3 tahun lepas. Jika anda rasa blog tersebut berkualiti, akan berkualitilah ebook ini nanti. Jika anda rasa blog itu tidak berkualiti, maaf. Jangan beli ebook ini. Kami memang tidak akan dapat memenuhi expectation anda.

Soalan 11: Adakah Amazon.com di bina dengan Zen Cart juga?

Jawapan: Tidak. Amazon mempunyai kakitangan programmer sendiri yang menghasilkan kedai online sendiri. Mereka tidak bergantung kepada perisian kedai online sendiri.

Anda juga boleh hire programmer sendiri untuk membina kedai online untuk anda. Tetapi saya nak tambah satu perkara, Amazon rugi beratus-ratus juta-juta ringgit pada tahun-tahun awal penubuhannya. Jadi, pastikan poket anda cukup kembang jika anda mahu mengambil programmer-programmer sendiri! ☺

Soalan 12: Apakah Shopping Cart dan Kedai Online? Apakah kaitannya?

Jawapan: Masyaallah. Saya cover perkara ini dalam video percuma SKO 1.0 pertama lagi. Jika anda masih belum jelas, saya anggap saya telah gagal dalam berkongsi perkara ini dengan anda. Emelkan saudagar@saudagar.com.my supaya kami dapat berikan anda link ke video pertama tersebut. Tonton semula.

Soalan 13: Adakah Menjual Melalui Online Store (Kedai Online) Ini Adalah Cara Yang Paling Mudah Untuk Menjana Keuntungan Dari Internet?

Jawapan: Tidak. Jujur saya katakan.

Bahkan, melalui Online Store (Kedai Online) merupakan antara cara yang paling susah berbanding dengan model perniagaan internet lain. (Jika anda lihat di sini, saya tidak bersembunyi). Menjual infoproduk melalui salesletter dan menyertai laman lelongan lebih mudah secara relative (tetapi tidak mudah juga).

TETAPI, kami tetap hasilkan ebook panduan ini sebab ada permintaan mengenai cara-cara untuk membina Kedai Online. Dan tidak ada panduan seperti ini yang dijual. Akhirnya, ramai orang yang terpedaya membayar jumlah yang tidak logik (terlalu mahal) dan kemudiannya tertipu dengan janji-janji kekayaan melalui "Kedai Online".

Ini memburukkan nama perniagaan internet, terutama usahawan internet yang sebenar. Jadi saya terpaksa mengeluarkan panduan ini juga, supaya jika ada orang yang mahu membuka kedai online, mereka boleh mengetahui cara yang sebenar.

Panduan ini adalah sebahagian dari tanggungjawab saya kepada anda.

Soalan 14: Kenapakah anda nyatakan dalam video SKO 2.0 yang ebook tidak sesuai dijual dalam bentuk kedai online?

Jawapan: Penerangan saya berdasarkan kepada pengalaman dan juga pemerhatian saya ke atas kedai-kedai yang menjual ebook dalam bentuk online store (anda boleh menonton semula video SKO 2.0 di <http://www.sistemkedaionline.com/sko2/sko2.html>).

Oh ya, sekiranya anda terfikir, Amazon pun ada menjual ebook. Laku pula. Mereka laku kerana mereka membayar royalti kepada pengarang, dan buku mereka adalah buku original dan berkualiti.

Sekiranya anda tidak percaya, cuba anda mulakan kedai ebook online anda sendiri. Apabila anda telah gagal, hubungi saya semula. Saya akan masukkan anda dalam kes studi Sistem Kedai Online. Ataupun, jika anda berjaya, beritahu saya juga, saya akan tarik balik kenyataan saya bahawa ebook tidak sesuai dijual dengan konsep online store.

Sehingga itu, saya tidak galakkan sesiapa sahaja menjual ebook dengan konsep kedai online.

Soalan 15: Perlukah saya membeli pakej SKO ini nanti?

Jawapan: Terpulang kepada anda. Jika anda mahu tahu cara membina kedai online sendiri (tidak semestinya hendak membina), ia sesuai untuk anda.

Jika anda mencari cara untuk mendapatkan wang dari Internet, 30 hari dari sekarang ataupun mahu menjadi jutawan internet tahun hadapan, saya tetap katakan kaedah yang paling baik adalah dengan menyertai Skim Cepat Kaya. Ebook ini (ataupun apa2 buku atau ebook), tidak akan dapat membantu anda.

TAWARAN 2 Minggu Sistem Kedai Online

Pakej Sistem Kedai Online akan dilancarkan di www.SistemKedaiOnline.com pada 16 Mac 2008.

Harga pengenalan (mampu milik) cuma sah untuk 2 minggu pertama sahaja.

Ia mengandungi :

- 1) Sebuah Ebook
- 2) 2 Buah Video

Dengan pengisian:

- ✓ Cara membina kedai online langkah demi langkah (bergambar)
- ✓ Termasuklah cara membina borang tempahan, contact us dan calculator untuk pengiraan harga produk anda jika dibeli dalam pelbagai kuantiti
- ✓ Kaedah penghantaran produk ke seluruh dunia
- ✓ Dan banyak lagi, panduan dan tips-tips ringkas yang boleh anda gunakan.

Cara untuk anda tahu sama ada ebook Sistem Kedai Online yang akan kami keluarkan 16 April ini bagus atau tidak?

Tonton video Percuma ini <http://www.sistemkedaionline.com/sko2/sko2.html> (1 Jam 6 Minit)

Jika anda rasakan video ini berkualiti, maka belilah ebook Sistem Kedai Online yang akan datang ini, jika anda rasakan ia tidak berkualiti, tidak perlu beli kerana kami memang tidak akan dapat capai expectation anda.

